

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 8.4.2015**

**SOALAN :**

Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah antarabangsa dan sekolah swasta mengikut nama, negeri dan jumlah pelajar. Jumlah permohonan baru penubuhan sekolah antarabangsa dan sekolah swasta yang masih lagi di dalam proses dan apa cadangan Kerajaan untuk mengetatkan lagi syarat-syarat pelantikan guru di sekolah-sekolah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sekolah swasta merupakan sekolah yang menjalankan Kurikulum Kebangsaan mengikut peringkat pendidikan yang ditetapkan dalam Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] iaitu pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pendidikan lepas menengah. Selain itu, terdapat juga sekolah swasta yang melaksanakan Kurikulum Kebangsaan bersama-sama dengan kurikulum agama yang dikawal selia oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Sehingga 31 Oktober 2014, terdapat 66 buah sekolah rendah swasta yang melibatkan 14,751 orang murid dan 70 buah sekolah menengah swasta yang melibatkan 18,286 orang murid. Manakala terdapat 43 buah sekolah rendah agama swasta yang melibatkan 19,848 orang murid dan 28 buah sekolah menengah agama swasta yang

melibatkan 9,577 orang murid. Selain itu, terdapat juga 60 buah sekolah menengah persendirian cina yang melibatkan 83,442 orang murid.

Sekolah antarabangsa merupakan institusi pendidikan swasta yang menawarkan program pendidikan peringkat prasekolah, rendah dan menengah menggunakan kurikulum luar negara (Britain, Amerika Syarikat, Kanada dan Australia) serta menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Sehingga 31 Oktober 2014, terdapat 101 buah sekolah antarabangsa yang melibatkan 45,049 orang murid.

Guru yang mengajar di sekolah swasta dan sekolah antarabangsa adalah tertakluk kepada peruntukan dan syarat yang telah ditetapkan dalam Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Setiap guru yang mengajar di institusi pendidikan ini hendaklah mempunyai permit mengajar seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 114 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Walau bagaimanapun, pelantikan guru di institusi pendidikan tersebut adalah tertakluk kepada kelayakan yang ditetapkan oleh institusi pendidikan yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2015, sebanyak 4 permohonan penubuhan sekolah swasta dan 7 permohonan penubuhan sekolah antarabangsa yang masih diproses di peringkat Kementerian.

RJM109